

24/09/1997

Pesakit HIV boleh hidup lebih lama

Rosmin Darus

MEREKA yang mengidap HIV sekarang berpeluang untuk mempunyai jangka hayat yang lebih panjang berbanding 10 tahun lalu.

Ini berikutan penemuan beberapa jenis rawatan terbaru yang memberi lebih harapan kepada pesakit berkenaan, kata Perunding Jururawat Klinikal Westment Hospital, Sydney, Australia, Suzanne Talbert.

Tiga jenis rawatan yang utama untuk mereka ialah antiviral drugs, rawatan untuk meningkatkan atau merangsang sistem imunisasi (immunomodulators) dan ubat mengelak serta merawat jangkitan atau kanser disebabkan Aids.

Beliau berkata di awal penemuan virus HIV, jangka hayat pesakit Aids hanya satu hingga tiga tahun saja, namun sekarang mereka mempunyai harapan untuk meningkat hingga 15 tahun atau lebih jika menerima rawatan lengkap yang rapi.

"Ada pesakit yang saya kenali masih lagi hidup walaupun lebih 15 tahun menghidap HIV selepas menerima rawatan rapi."

"Bagaimanapun, agak menyedihkan kerana keadaannya amat lemah," katanya ketika ditemui pada waktu makan tengah hari di bengkel Pengendalian Kes HIV/Aids Untuk Jururawat dan Perawat Profesional Tempatan, di sebuah hotel di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Suzanne, 50, yang dipilih sebagai penceramah utama di bengkel berkenaan, memiliki pengalaman 11 tahun dalam bidang klinikal menguruskan HIV dan Aids di hospital turut berpeluang menyampaikan ceramah beliau di Ipoh, Pulau Pinang, Kota Bharu, Johor Bahru dan Kota Kinabalu.

Bengkel itu dirasmikan oleh Presiden Majlis Aids Malaysia dan Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Sehubungan itu, ibu kepada dua anak ini berkata penghidap HIV sekarang perlu diberi sokongan yang lebih baik untuk melalui kehidupan seperti biasa termasuk bekerja, belajar serta mengurus keluarga masing-masing.

"Wanita yang menjadi penghidap HIV juga masih dapat melaksanakan tanggung jawabnya sebagai ibu dan isteri dengan biasa, namun beberapa perkara perlu diberi perhatian."

Mereka perlu mengubah fikiran dan menjadi seorang yang lebih mementingkan keselamatan serta kesihatan diri sendiri daripada anak-anak dan suami.

"Kalau lazimnya wanita lebih mengutamakan anak-anak dan suami, bagaimanapun, kepada penghidap HIV mereka mesti mementingkan penjagaan kesihatan diri sendiri," katanya.

Ini adalah penting demi keselamatan mereka sendiri dan juga ahli keluarga mereka.

Wanita dalam keadaan demikian juga wajar memiliki keyakinan yang kukuh untuk membuat keputusan yang tepat bagi mengawal diri sendiri.

Beliau berkata sebagai isteri, penghidap HIV masih boleh menjalin hubungan seks, namun perlu kaedah selamat seperti menggunakan kondom.

"Bagaimanapun, ingin saya jelaskan bahawa kondom juga tidak 100 peratus selamat kerana ia ada kemungkinan bocor atau pecah."

Jadi, adalah lebih baik jika mereka mengelak daripada melakukan hubungan seks," katanya.

Suzanne juga menjelaskan bahawa suami dan anak-anak turut memainkan peranan memulih atau meningkatkan semangat untuk hidup kepada wanita yang dijangkiti virus HIV.

Mengenai sikap segelintir doktor dan jururawat yang mendiskriminasi

pesakit Aids, beliau berkata keadaan itu berpunca daripada masalah kurang pendidikan dan sikap tidak peduli.

"Ia adalah kejadian yang amat menyedihkan dan tidak sepatutnya berlaku walaupun saya belum pernah melihat doktor atau jururawat melakukan perkara demikian," katanya.

Bagaimanapun, Suzanne tidak menafikan perbuatan itu berlaku di peringkat awal kes pesakit Aids ditemui.

Sekarang, berubah disebabkan ciri-ciri keselamatan tambahan yang boleh digunakan doktor dan jururawat ketika merawat penghidap HIV atau pesakit Aids.

Mengenai senario virus HIV di Australia, katanya kebanyakan mangsa berusia dalam lingkungan 20 hingga lewat 30 tahun yang dijangkiti akibat perbuatan seks rambang serta homoseksual.

(END)